

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

TARIKH : 09 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah harta tanah yang berjaya dijual hasil daripada pelaksanaan House Ownership Campaign (HOC) pada tahun 2019 sehingga kini. Berapa anggaran pengecualian cukai setem yang telah dimanfaat oleh pembeli-pembeli rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2019 hingga bulan Ogos 2021, jumlah hartanah yang berjaya dijual di bawah *Home Ownership Campaign*, atau HOC *dengan izin*, adalah sebanyak 82,201 unit dengan nilai jualan mencecah 38.29 bilion ringgit.

Manakala jumlah duti setem yang telah dikecualikan di bawah kempen ini bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 274 juta ringgit. Inisiatif ini telah membantu mengurangkan kos awal berkaitan dengan pembelian rumah, terutamanya bagi golongan belia yang baru menjedak kaki dalam dunia pekerjaan.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan menumpukan usaha terhadap pemilikan rumah oleh golongan yang tiada bukti pendapatan tetap, atau yang berkecimpung dalam ekonomi gig. Seperti yang diumumkan semasa Bajet 2022, ini akan dilaksanakan melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dengan peruntukan 2 bilion ringgit. Tambahan lagi, semua projek perumahan membabitkan Projek Perumahan Rakyat (PPR), penyediaan rumah di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia akan diteruskan.

Sekian, terima kasih.